



TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

MAJLIS PERASMIAN
KONVENSYEN TEKNIKAL NUKLEAR MALAYSIA 2021

26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SALUTASI

Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Abu Hassan

Ketua Setiausaha

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

YBrs. Ts. Dr. Siti A'iasah binti Hashim

Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia

Hadirin dan hadirat yang hormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama meraikan dan merasmikan **Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia 2021**.
2. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyokong penuh penganjuran konvensyen ini sebagai satu pengiktirafan dan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan para penyelidik dalam memperkasakan bidang penyelidikan nuklear.

3. MOSTI yakin usaha ini merupakan salah satu landasan yang baik bagi perkongsian pintar yang melibatkan pembentangan teknikal, penambahbaikan kaedah, prasarana dan pengurusan berkaitan aktiviti penyelidikan dan pembangunan nuklear yang akan meningkatkan kualiti di samping memberi impak positif kepada pembangunan dan perkembangan ilmu industri dalam pelbagai bidang yang melibatkan teknologi nuklear.

4. Sejumlah 155 pembentangan lisan dan poster berkenaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta khidmat yang dijalankan di Agensi Nuklear Malaysia sepanjang konvensyen ini. Syabas diucapkan.

Hadirin sekalian,

5. Agensi Nuklear Malaysia telah melakar detik bersejarah apabila pada bulan lalu, salah seorang Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia telah dipilih berdasarkan kepakaran beliau dalam bidang konkrit, untuk menganggotai misi IAEA menjalankan pengujian *Non-Destructive Testing* di Pelabuhan Beirut, Lebanon pada Ogos 2020 . Kita semua maklum telah berlaku satu letupan besar yang memusnahkan kawasan tersebut. Ini merupakan satu

kolaborasi dan jaringan kerjasama yang baik dalam hubungan antarabangsa.

6. Selain itu, Agensi Nuklear Malaysia juga pada tahun ini telah menerima pengiktirafan daripada *International Atomic Energy Agency* dan *Food and Agriculture Organizations Of the United Nations* bagi Anugerah Pencapaian dalam Bidang Biak Baka Mutasi Tanaman. Anugerah ini telah diterima Agensi Nuklear Malaysia di Vienna, Austria pada bulan lalu sempena Persidangan Umum I-A-E-A ke-65. Tahniah Agensi Nuklear Malaysia!

7. MOSTI percaya, banyak lagi pencapaian akan dapat dilakar oleh Agensi Nuklear Malaysia dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi merencanakan perkembangan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ayuh kita terus membudayakan sains, teknologi dan inovasi (S-T-I) sebagai sumber ekonomi baharu bagi memacu negara mencapai status negara berteknologi tinggi.

8. Melalui konvensyen seperti ini, MOSTI percaya ia dapat meningkatkan pembangunan modal insan dan mengiktiraf sumbangan saintis, ahli akademik serta individu dalam mempromosi sains dan teknologi terutamanya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear.

9. Oleh itu, pelbagai usaha dilaksanakan untuk melahirkan lebih banyak bakat yang bergerak seiring dengan pembangunan teknologi. Justeru, pendekatan *whole of nation* diambil MOSTI dalam mempergiatkan pembudayaan STI.

10. MOSTI komited untuk memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam bidang keutamaan STI yang merupakan satu sokongan terhadap aktiviti pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) negara bagi memastikan para penyelidik bersama-sama dalam menambahbaik kehidupan Keluarga Malaysia, sistem ekonomi dan persekitaran, sama ada di peringkat nasional mahupun global.

Para hadirin sekalian,

11. Kini, kita berada dalam era di mana aplikasi teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things (IoT)*, blok rantai (*blockchain*), penyimpanan awan dan robotik menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

12. Penguasaan pelbagai bidang kemahiran adalah amat diperlukan bagi memastikan modal insan tersedia bagi Revolusi Industri Keempat (I-R 4.0). Saya berharap Agensi Nuklear Malaysia menyahut cabaran dalam menghasilkan satu pelan yang berorientasikan pembangunan bakat berkemahiran tinggi selain daripada dasar sedia ada untuk terus berdaya saing dengan pentas antarabangsa.

13. Agensi Nuklear Malaysia bertanggungjawab menerajui penyelidikan melangkaui pelbagai sektor supaya merangkumi teknologi pertanian, kesihatan, alam sekitar, keselamatan sinaran dan industri yang dapat memanfaatkan rakyat. Oleh itu, saya berharap para penyelidik Agensi Nuklear Malaysia sentiasa seiring dengan perkembangan teknologi agar terus kekal relevan serta mengeratkan jalinan kolaborasi dengan institut penyelidikan, universiti, agensi kerajaan serta industri dalam dan luar negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

14. Saya mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat dalam menjayakan konvensyen ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia 2021!